

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**
- TARIKH** : **16 MAC 2015 (ISNIN)**
- SOALAN** : **Ir. Shaharuddin bin Ismail** minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan kenapakah terdapat stok beras
yang banyak di kilang-kilang padi swasta
baru-baru ini sehinggakan kilang-kilang padi
swasta tidak dapat membeli padi daripada
petani di negeri Perlis. Apakah permit import
beras perlu dikaji semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Isu mengenai kilang padi tidak membeli padi adalah tidak wujud memandangkan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan sentiasa dijalankan. Hasil lawatan turun padang oleh pegawai Kementerian mendapati bahawa dakwaan mengenai kilang tidak membeli padi adalah **tidak benar**, sebaliknya hanya berlaku kesesakan lori-lori beratur panjang di kilang BERNAS kerana musim tuaian padi yang serentak di Perlis dan Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Seksyen 5 dan 29 di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]

Kementerian boleh membatalkan lesen mana-mana pengilang padi yang didapati enggan membeli padi daripada petani tanpa alasan yang munasabah. Oleh yang demikian, mana-mana pengilang padi atau pelesen pembeli padi yang enggan membeli padi tanpa kebenaran Ketua Pengarah, jika dilaporkan oleh mana-mana pihak boleh dikenakan tindakan termasuk pembatalan lesen. Selain itu, di bawah Perjanjian Konsesi Kerajaan, BERNAS bertanggungjawab sebagai Pembeli Padi Terakhir (*Buyer of Last Resort*) untuk membuat pembelian padi daripada petani bagi mengelakkan masalah lambakan padi.

Pengeluaran beras tempatan pada tahun 2014 adalah berjumlah 1.704 juta metrik tan, di mana ianya berupaya menampung 71% daripada keperluan beras negara. Keperluan beras dalam negara adalah dianggarkan berjumlah 2.4 juta hingga 2.6 juta metrik tan setahun berdasarkan penggunaan per kapita 77.8 kilogram dan jumlah penduduk Malaysia seramai 30.26 juta orang. Jumlah ini turut mengambil kira simpanan stok penimbal beras berada di tahap 292,000 metrik tan pada sesuatu masa dan juga turut mengambil kira kegunaan pekerja warganegara asing yang menetap di sini. Memandangkan tahap sara diri beras negara di sekitar 70%, maka selebihnya adalah bergantung daripada jumlah beras yang diimport.

Kementerian sentiasa memantau imbangan keperluan dan bekalan beras di dalam negara, termasuk menetapkan had pengimportan beras bagi memastikan bekalan beras dalam negara terjamin.

v. Integrasi nasional.

Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada Februari 2010. Peranan JKMPKA adalah untuk membincangkan isu-isu agama bagi meningkatkan persefahaman dan mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu agama yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat di Negara ini.

Kerajaan yakin dan percaya, kedua-dua badan ini akan dapat memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawabnya ke arah mengwujudkan suasana harmoni dan sejahtera.

Kerajaan juga berharap agar semua pihak tanpa mengira aliran pemikiran dan latar belakang dapat memberikan sokongan padu kepada kedua-dua badan ini kerana perpaduan dan kesejahteraan itu adalah tanggungjawab kita bersama.